



Berit@UTeM

www.utm.edu.my | Edisi Oktober | Konvokesyen



Sekalung
Tahniah

YBHG. TAN SRI DATO' ACADEMICIAN IR. DR.
HJ. AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN
Ijazah Kehormat
Doktor Kejuruteraan, UTeM

**Majlis
Konvokesyen**
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

DEWAN BESAR UTeM
14 & 15 NOVEMBER 2016 | ISIN & SELASA
BERSAMAAN 14 & 15 SAFAR 1438H

ke-12

Tahniah Graduan



SEKAPUR SIREH NAIB CANSELOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu, saya menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan kurnia dan izin-Nya kita dapat bersama-sama meraikan Majlis Konvokesyen ke-12 Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang penuh dengan adat istiadat gemilang. Setinggi tahniah kepada semua graduan UTeM yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing seterusnya menerima pengiktirafan akademik atas pencapaian yang cemerlang. UTeM menaruh harapan yang tinggi kepada setiap graduan universiti ini agar berupaya menggunakan ilmu dan pengetahuan dalam kehidupan sebenar di luar kampus kelak, bagi faedah diri dan keluarga, agama dan bangsa, serta negeri dan negara seluruhnya.

Di kesempatan ini, saya juga ingin menyatakan penghargaan murni dan merakam ucapan syabas kepada para ibu bapa serta penjaga yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan kepada anak masing-masing sehingga berjaya di puncak menara gading. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga kepada para pensyarah dan warga UTeM yang berusaha bagi memastikan para graduan memiliki keterampilan memimpin, yakni sebagai khalifah di bumi seterusnya menyumbang bagi kemaslahatan sekalian mesyarakat dan negara tercinta.

Insyaa-Allah dengan pengiktirafan akademik yang diterima pada konvokesyen ini dan berbekalkan jati diri yang teguh, ia bakal melonjakkan potensi diri saudara-saudari menjadi insan yang terbilang.

Tiada alasan penat dan jemu,
Sandaran keluarga tinggi harapan,
Graduan UTeM insaniah berilmu,
Berjasa berbakti sepanjang zaman.



PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
Naib Canselor



**Majlis
Konvokesyen**
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
ke-12

Ucapan Khas SEKALUNG TAHNIAH

Assalamualaikum wrt wbt dan salam 1 Malaysia,

Segala pujian hanya untuk Allah SWT diatas segala limpah kurniaNya, sempena Majlis Konvokesyen ke-12, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Majlis gilang-gemilang serta penuh istiadat ini mencatat sejarah tersendiri kepada setiap graduan yang telah melalui suatu proses transformasi selama 3 hingga 4 tahun meningkatkan potensi dalam bidang akademik dan sahsiah diri. Pengalaman pahit manis, suka duka sebagai seorang mahasiswa akan menjadi kenangan hingga ke akhir hayat.

Berasaskan pengisian kurikulum dan ko-kurikulum yang mantap, saya yakin sebagai graduan UTeM anda akan berupaya untuk memberi yang terbaik kepada usaha peningkatan kualiti diri, keluarga, masyarakat dan negara secara konsisten dan berterusan. Sebagai graduan yang holistik anda berperanan untuk melestarikan pembelajaran sepanjang hayat agar kecemerlangan, kegemilangan dan keterbilangan akan sentiasa mewarnai kehidupan yang kian mencabar.

Dikesempatan ini saya ucapkan tahniah atas kejayaan yang diperolehi dan mendoakan agar graduan UTeM terus berjaya dan berdayasaing.

Sekian, Terima Kasih.

PROF. DATUK DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)



Assalamualaikum wrt wbt
Salam Sejahtera & Salam 1 Malaysia.

Masa depan Malaysia dan bangsanya bergantung pada kemanfaatan ilmu pengetahuan kerana takrifan ilmu itu adalah apa yang anda tahu dan amalkan. Jika ia bermanfaat, raikan, kembangkan, dan sebar luaskan. Kepada semua Graduan, hari ini merupakan momen penting dan sangat istimewa. Jadikanlah ia titik mula kalian berperanan sebagai agen perubahan yang sarat nilai dan memberi sebanyaknya kepada keluarga, bangsa dan tanahair. Semoga lebih banyak lagi kejayaan besar akan menjelma dalam kerjaya dan hidup kalian.

'TAHNIAH DAN SYABAS, SELAMAT MAJU JAYA'

PROF. DATUK IR. DR. MOHD JAILANI BIN MOHD NOR
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)



Assalamualaikum wrt. wbt. dan Salam Sejahtera,

Seiring dengan sambutan Majlis Konvokesyen UTeM Ke-12, 2016 ialah penganjuran Pesta Konvokesyen UTeM. Matlamat utama Pesta Konvokesyen ini adalah bagi mempamer keprihatinan dan kebanggaan universiti dalam meraikan kejayaan graduan yang bakal menerima anugerah ijazah masing-masing. Di samping itu Pesta Konvokesyen ini turut menyediakan ruang dan peluang bagi siswa-siswi UTeM untuk terlibat langsung dalam mengendalikan pelbagai aktiviti kebudayaan, kesenian, sukan, rekreasi dan keusahawanan dalam kalangan warga kampus dan masyarakat setempat.

Tema Pesta Konvokesyen tahun ini "Hadiah Terindah Daripada Segala Kesungguhan" dipilih hasil daripada pelbagai cadangan idea kreatif pelajar sendiri. Tema ini walaupun nampak ringkas namun mempunyai pengisian dan makna yang mendalam dalam memberi nilai kepada segala daya usaha dan pengorbanan pelajar dalam mengharungi dunia kemahasiswaan.

Adalah menjadi harapan semua pihak agar Pesta Konvokesyen ini dapat menjadi pemangkin kepada kelestarian hubungan rapat antara warga UTeM dan masyarakat keseluruhannya.

Sekian, Terima Kasih.

PROF. DR. IZ Aidin Bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)



"Alhamdulillah, saudara dan saudari kini bergelar Graduan UTeM. Tahniah dan syabas kami ucapkan!. Melangkahlah ke hadapan dengan yakin dan iltizam. Binalah kejayaan untuk diri, keluarga dan bangsa. Anda mampu mencapai segala yang diimpikan, InshaAllah." Terima kasih.

PROF. DR. MOHD RIDZUAN BIN NORDIN
Penolong Naib Canselor
(Jaringan Industri dan Masyarakat)



Assalamualaikum wrt. wbt. dan Salam Sejahtera,

Pertama sekali, tahniah kepada ibu bapa dan ahli keluarga. Tahniah kepada semua yang diraikan hari ini, anda kini telah bergelar graduan sama ada di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah.

Selamat maju jaya kepada semua graduan, semoga anda menjadi aset bernilai kepada mana-mana organisasi seterusnya dapat menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan ekonomi negara kita, Malaysia.

PROF. DATUK DR. ZOLKEPLI BIN BUANG
Penolong Naib Canselor
(Pembangunan dan Pengurusan Fasilitas)



ANUGERAH IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEJURUTERAAN

TAN SRI DATO' ACADEMICIAN IR. DR. AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Academician Ir. Dr. Hj Ahmad Zaidee bin Laidin dilahirkan di Kuala Kangsar Perak pada 1 April 1943. Beliau memulakan pendidikan awal peringkat sekolah rendah beraliran Melayu di Sekolah Melayu Alor Gajah, Melaka dan kemudian berpindah ke Sekolah Melayu Princes Road di Kuala Lumpur pada tahun 1950. Pelajar Melayu cemerlang ini terpilih mengikuti Special Malay Class di Sekolah Batu Road, Kuala Lumpur beraliran Inggeris dari tahun 1953 hingga 1955. Selanjutnya meneruskan pendidikan sekolah menengah di Victoria Institution Kuala Lumpur dari 1956 hingga 1961. Beliau berjaya terpilih untuk ke jurusan Sains di peringkat Tingkatan Empat hingga ke Tingkatan Enam Atas.

Kecemerlangan beliau dalam bidang akademik melayakkannya menerima biasiswa Central Electricity Board (CEB) serta berjaya memperolehi Diploma in Electrical Engineering daripada Brighton College of Technology (kini dikenali sebagai University of Brighton) United Kingdom pada tahun 1966. Ketika pengajian pada peringkat ini beliau telah mengikuti Student Apprenticeship di General Electric Company Birmingham selama 12 bulan. Setelah tamat peperiksaan terakhir di Brighton, beliau ditempatkan di Northwestern Electricity Board, Macclesfield, United Kingdom sebagai Graduate Apprentice untuk jangka masa enam bulan berikutnya, dan enam bulan terakhir di Lembaga Letrik Negara (LLN) Daerah Petaling Jaya, Malaysia. Pada tahun 1974 pula, beliau telah berjaya menamatkan pengajian Master of Science Degree in Technological Economics (Management & Industrial Science) di University of Stirling, United Kingdom.

Sumbangan Yang Berbahagia Tan Sri dalam pembangunan dan penambahbaikan industri pembinaan, memberi impak yang signifikan kepada negara. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1967 sebagai Penolong Jurutera Pembahagian bagi sistem agihan elektrik kuasa (11/33kV) di LLN Petaling Jaya. Pada tahun 1971 beliau berkhidmat selaku Jurutera Projek bagi pencawang dan talian penghantaran sehingga 275kV ke beberapa bahagian di Semenanjung Malaysia. Dengan pengalaman ini melayakkan beliau mendapat pengiktirafan sebagai Jurutera Profesional Berdaftar di Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) atau lebih dikenali dengan gelaran Ingenieur atau "Ir" pada tahun 1974. Sekembali beliau dari United Kingdom buat kali kedua, pada tahun 1975, beliau diberi jawatan sebagai Pembantu Khas kepada Pengurus Besar Lembaga Letrik Negara.

Terdapat juga beberapa jawatan penting yang pernah disandang oleh beliau di dalam beberapa organisasi kejuruteraan tertentu seperti President, Federation of Engineering Institutions of Southeast Asia and the Pacific (FEISEAP) 2000-2003, Ahli Majlis, World Federation of Engineering Organisations (WFEO) bermula tahun 2000 sehingga 2003.

Beliau turut diberi kepercayaan oleh Menteri Kewangan bagi melaksanakan tugas selaku Pengerusi SIRIM Berhad dari 2001 sehingga tahun 2004. Kerjaya beliau diteruskan sebagai Pengerusi



Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 2005 hingga 2007. Seterusnya pada tahun 2009, beliau dipilih menyertai Lembaga Penasihat di dalam Akademi Pengajian Tinggi (AKEPT) sehingga ke tempoh lanjutan tahun 2018. Lantikan terkini ialah sebagai Presiden Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) mulai November 2015 selama tiga tahun oleh Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Malaysia.

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) amat bertuah mendapat khidmat Yang Berbahagia Tan Sri sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti mulai tahun 2010 sehingga 2015. Beliau telah menggunakan pengalaman luasnya untuk membangunkan UTeM secara keseluruhannya iaitu dari aspek pembangunan Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Pengkomersilan, pembangunan fizikal dan spritual dalam memenuhi visi dan misi Universiti.

Tumpuan beliau dalam aspek akademik adalah bersifat universal dan menyeluruh kerana pada masa ini beliau juga turut berperanan sebagai ahli anggota Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA), ahli Kumpulan Penasihat Akademik Antarabangsa bagi Universiti Teknologi Petronas, dan Universiti Malaysia Pahang, Ahli Lembaga Open University Malaysia, Meteor Learning Sdn. Bhd dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Akhirnya Yang Berbahagia Tan Sri merakamkan penghargaan terima kasih kepada seluruh warga UTeM mulai daripada Tuan Yang Terutama Tun Canselor, Pro Canselor, Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, dan kepada seluruh staf serta pelajar yang telah banyak memberi komitmen sepanjang beliau menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah di sini.



Enrolmen pelajar UTeM Sesi 1 2016/2017

Bil.	Peringkat	Bilangan
1	Diploma	1119
2	Ijazah Sarjana Muda	9489
3.	Ijazah Sarjana	855
4.	Doktor Falsafah	320
5.	Doktor Kejuruteraan	32
	Jumlah	11815

Kemasukan Pelajar Baharu Ijazah Sarjana Muda Semester 1 Sesi 2016/2017 (Sehingga Oktober 2016)

FAKULTI	BILANGAN		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
FKE	137	70	207
FKEKK	55	57	112
FKM	192	54	246
FKP	58	41	99
FPTT	78	261	339
FTMK	141	162	303
FTK	450	193	643
JUMLAH	1111	838	1949

Bilangan graduan mengikut sesi:

SESI 1	
Penerima Ijazah Doktor Kehormat	1
Penerima Hadiah Akademik	57
Graduan Pengajian Siswazah	304
Graduan Ijazah Sarjana Muda FTMK	353
JUMLAH	715
SESI 2	
Graduan Ijazah Sarjana Muda FKP	243
Graduan Ijazah Sarjana Muda FTK	539
JUMLAH	782
SESI 3	
Graduan Ijazah Sarjana Muda FKE	270
Graduan Ijazah Sarjana Muda FKEKK	265
Graduan Ijazah Sarjana Muda FPTT	205
JUMLAH	740
SESI 4	
Graduan Ijazah Sarjana Muda FKM	320
Graduan Diploma	285
JUMLAH	605

Jumlah keseluruhan pelajar yang akan bergraduat (Sehingga 26/10/ 2016)

Fakulti	Diploma	Sarjana Muda	Sarjana	PhD	DEng	Jumlah
FKE	49	270	31	4	1	354
FKEKK	40	265	67	1	0	373
FKM	53	320	43	5	0	421
FKP	46	243	58	5	1	352
FTMK	97	353	53	14	0	517
FPTT	0	205	18	3	0	226
FTK	0	539	0	0		539
JUMLAH	285	2195	270	32	2	2784
JUMLAH KESELURUHAN	2784					

STATISTIK

MAJLIS KONVOKESYEN KE-12

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SIDANG EDITORIAL Berit@UTeM

Ketua Editor
Fazidah Ithnin


Wartawan
Zulfatria Abdullah

Tengku Nur Nadhirah Tengku
Md Saabri

Reka Letak Grafik
Shahril Hazizi Abu Bakar

Jurufoto
Jurufoto Rasmi Universiti

Pengedaran
Mohamad Haffize Ramli



Ucapan Khas SEKALUNG TAHNIAH DARIPADA DEKAN-DEKAN FAKULTI DAN PUSAT

Alhamdulillah, puji dan syukur ke hadrat Allah kerana pada Majlis Konvokesyen ke-12, FKEKK sekali lagi berjaya melahirkan graduan daripada pelbagai peringkat pengajian di dalam bidang Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer.

DR. NURULFAJAR BIN ABD MANAP
Dekan,
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan
Kejuruteraan Komputer (FKEKK)



Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pelajar-pelajar UTeM yang akan bergraduasi pada konvokesyen UTeM ke 12 ini, terutamanya kepada graduan-graduan Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Sesungguhnya segala komitmen dan pengorbanan sepanjang pengajian di UTeM telah membuahkan hasil. Saya doakan semoga anda semua beroleh kejayaan dalam segala bidang yang diceburi. Selamat menempuh alam baru !

IR. DR. MD NAZRI BIN OTHMAN
Dekan,
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)



Saya mewakili warga Fakulti Kejuruteraan Mekanikal mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya dan diraikan dalam Majlis Konvokesyen UTeM ke 12 ini. Diharapkan kejayaan yang dikecapi ini berkat dari hasil usaha sekian lama akan menjadi bekalan kepada para graduan untuk memulakan kerjaya yang semakin mencabar dan membantu menyumbang kepada pembangunan teknologi masa hadapan negara. Tahniah semua dan selamat maju jaya ! Terima kasih.

PROF. MADYA DR. NOREFFENDY BIN TAMALDIN
Dekan,
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)



"Setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan khususnya graduan FKP di atas segala keperitan, kegigihan dan kesabaran sepanjang mengharungi pengajian dalam memburu segulung ijazah. Syabas dan tahniah juga kepada ibu bapa dan ahli keluarga kerana tanpa sokongan dan dorongan yang diberikan oleh anda semua, graduan ini tidak mampu untuk melakar kejayaan ini di dalam kehidupan mereka. Selamat Berjaya".

PROF. MADYA DR. MOHD RIZAL BIN SALLEH
Dekan,
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)



Tahniah saya ucapkan kepada para graduan kerana telah berjaya menamatkan pengajian dan bakal menerima Ijazah dan Diploma masing-masing pada hari yang bersejarah ini.

DR. ZAWIAH BINTI MAT
Dekan,
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
(PBPI)



Ucapan syabas dan tahniah kepada para graduan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi kerana telah berjaya menamatkan pengajian anda dengan cemerlang dan menerima Ijazah dan Diploma pada Konvokesyen ke- 12 UTeM. Kepada semua graduan sekali lagi diucapkan Tahniah dan Selamat Maju Jaya.

PROF. DR BURAIRAH BIN HUSSIN
Dekan,
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
(FTMK)



Tahniah diucapkan kepada semua graduan yang menerima Ijazah dan Diploma di Konvokesyen ke-12 UTeM. Sesungguhnya daya usaha, kegigihan dan komitmen yang tinggi serta sokongan daripada ibu-bapa telah membolehkan para graduan menamatkan pengajian dan mengecapi kejayaan yang diraikan dengan penuh gemilang ini. Kepada semua graduan sekali lagi diucapkan Tahniah dan Selamat Maju Jaya.

PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF
Dekan,
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)



Syukur dan Tahniah!!

Jasanya ibu ayah wangi bak bunga,
Menitik dian membakar diri,
Dititip mesra ilmu berbunga,
Dunia akhirat cemerlang berdiri.

"Kejayaan bukannya destinasi, ia satu perjalanan"
Mari teruskan pengajian di IPTK kerana ilmu
tiada penghujungnya.

PROF. MADYA DR AHMAD ROZELAN BIN YUNUS
Dekan,
Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK)



TAHNIAH KEPADA SEMUA GRADUAN

Kehidupan selepas beberapa tahun berada di 'menara gading' adalah penuh dengan cabaran dan harapan. Tahniah dan Selamat Berjaya dari saya yang mewakili warga Pusat Pengajian Siswazah.

PROF. DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM
Dekan,
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Syabas dan tahniah diucapkan kepada para Graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian. Syabas dan tahniah juga kepada ibu bapa, ahli keluarga dan semua barisan pensyarah di atas sokongan dan dorongan yang telah diberikan.

DR. MOHD SYAIFUL RIZAL BIN ABDUL HAMID
Dekan,
Fakulti Pengurusan Teknologi dan
Teknousahawanan (FPTT)





UTeM hulur sumbangan bantu pelajar Malaysia di Mesir

Perhatikan dengan nasib yang menimpa pelajar Malaysia di Mesir yang berdepan dengan masalah kewangan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menghulurkan bantuan berjumlah RM50,000.00 kepada Tabung Pendidikan Pelajar Malaysia yang telah dilancarkan baru-baru ini.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, tabung itu merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) akan disalurkan bagi membantu pelajar-pelajar yang miskin dan cemerlang di Mesir khususnya dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi.

“Sebagai sebuah universiti awam, UTeM merasa terpanggil dan terkesan dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di sana yang berdepan risiko disingkirkan daripada universiti kerana gagal menjelaskan yuran pengajian berjumlah RM33,000 setahun” ujar beliau.

Katanya, sumbangan itu juga merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) universiti tersebut dalam membantu pihak kerajaan menyelesaikan masalah pelajar-pelajar tersebut terutamanya pelajar cemerlang daripada keluarga kurang mampu.

“Sumbangan yang diberikan merupakan hasil sumbangan daripada anak syarikat dan badan kebajikan universiti iaitu UTeM Holdings Sdn Bhd, Neraca Niaga Sdn Bhd, Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUUTeM) dan Tabung Amal Jariah UTeM” ujar Shahrin.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan replika cek sumbangan tersebut kepada Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh pada majlis pelancaran tabung itu di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pada majlis tersebut hampir RM4 juta telah dikumpul hasil sumbangan pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan, syarikat korporat, universiti-universiti awam Malaysia dan individu.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Kamel Mohamed, Presiden GPMS, Zambri Mohd. Isa, Presiden Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Mesir, Prof. Datuk Dr. Fakhruddin Abdul Mukti dan Pengarah Projek HOPE, Haifa Nasuha Mohd. Nazlan.



UTeM taja 44,800 akhbar Berita Harian

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memperluaskan program tanggungjawab sosial korporatnya dengan menaja 1820 akhbar BH untuk diedarkan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ayer Keroh, di sini, semalam.

Sumbangan universiti itu antara lain bertujuan membantu proses pembelajaran dalam kalangan pelajar sekolah berkenaan.

Penyerahan akhbar itu disampaikan Naib Canselor UTeM, Datuk Prof. Dr. Shahrin Sahib kepada Pengetua SMK Ayer Keroh, Mohd Yusri Seman.

Shahrin berkata, program CSR yang dilaksanakan itu bertujuan mengembalikan budaya membaca melalui akhbar harian dengan pengetahuan luas mengenai isu semasa serta sisipan pendidikan yang disediakan.

“Sebanyak 44,800 naskhah akhbar BH diedarkan kepada 35 ekoloh terpilih di seluruh Melaka, bertujuan memupuk budaya membaca yang bukan sahaja mengandungi pelbagai maklumat isu semasa dunia dan tempatan, malah memperbaiki pembinaan struktur ayat.

“Sumbangan ini diharapkan dapat membantu sekoalh terbabit mencapai keputusan cemerlang, selain mampu menjadikan sekolah terbaik sebagai penanda aras di semua sekolah di seluruh Melaka,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan akhbar itu di sekolah berkenaan, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor UTeM, Fazidah Ithnin.

Shahrin berkata, pihaknya aktif dalam penajaan akhbar, terutama BH kerana komited dalam usaha mengembalikan budaya membaca, berbanding hanya menonton dan mendengar dalam mendapatkan maklumat.

“Penggunaan sisipan pendidikan dalam BH pada hari tertentu pula memberi peluang kepada pelajar membuat latihan tubi dengan lebih kerap, selain memberi pendedahan kepada bentuk soalan sebagai persiapan menduduki peperiksaan,” katanya.



MAS 2016 terap gaya hidup lestari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Minggu Alam Sekitar (MAS) 2016 bertujuan menerap gaya hidup lestari dikalangan warganya sekaligus membantu kerajaan negeri merealisasikan Melaka sebagai Negeri Bandar Teknologi Hijau menjelang tahun 2020.

Program tahunan sejak tahun 2013 itu merupakan anjuran Pusat Kelestarian Alam Sekitar (PKA) UTeM bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini yang bertemakan "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, penganjuran program tersebut memperlihatkan komitmen UTeM dalam melaksanakan kluster pengurusan hijau yang inovatif dan mampan ke arah menjadikan universiti tersebut sebagai Kampus Hijau.

Menurut Shahrin, UTeM turut melaksanakan pelbagai program kelestarian di peringkat universiti khususnya berkaitan pengurusan dan penjimatan tenaga denganewartakan polisi penggunaan tenaga pelaksanaan serta polisi pengurusan sisa pepejal dan buangan terjadual bagi melestarikan amalan hijau di dalam kampus.

Jelas beliau, hasil daripada komitmen dan aktiviti kelestarian yang telah dilaksanakan, UTeM telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Hijau Negeri Melaka 2016 bagi kategori institusi pengajian tinggi.

"Bagi meneruskan agenda kelestarian universiti, UTeM sedang berusaha untuk mendapat pengiktirafan Energy Management Gold Star and 1 Star (EMGS 1 STAR) daripada ASEAN Energy Management Scheme (AEMAS)" ujar beliau.

MAS 2016 yang berlangsung di Kampus Induk Durian Tunggal itu menyaksikan penganjuran pelbagai aktiviti kelestarian termasuk Program Pengumpulan Minyak Masak Terpakai, Program Kayuhan Basikal Sifar Karbon, Pertandingan Inovasi Produk Kitar Semula, Program Tanam Pokok Buah-buahan, Pertandingan Fotografi, Larian MAS 2016, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, pameran dan kuiz.

Majlis penutup program tersebut disempurnakan oleh Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar. Yang turut hadir Ketua SPAD Melaka Anuar Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Alam Sekitar Melaka Dzuriyati Noor Yaakob, Pengarah PKA UTeM Prof. Madya Juhari Ab Razak dan Pengarah Keselamatan UTeM Affindi Abu Bakar.

MPP diseru komited laksana agenda kebajikan pelajar

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) diseru untuk terus komited dan berganding bahu bersama pihak universiti dalam melaksanakan agenda kebajikan pelajar.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, MPP yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, berfungsi sebagai agen perantara antara pihak universiti dan pelajar khususnya berkaitan dengan kebajikan dan keperluan pelajar.

Beliau berkata, MPP juga turut sama bertanggungjawab dalam merancang dan mengendalikan pelbagai aktiviti yang berfaedah bagi mewujudkan suasana kehidupan pelajar Universiti yang lebih ceria dan harmonis.

"Saya percaya bahawa saudara dan saudari yang telah dipilih menganggotai MPP ini juga sudah sedia maklum akan tanggungjawab dan peranan besar yang perlu dimainkan dalam membantu pihak universiti dalam mengurus tadbir universiti yang kita kasihi ini" ujar beliau.

"Semangat musyawarah dan muzakarah harus dijadikan amalan baik MPP dalam meneruskan agenda kebajikan pelajar tanpa perlu menggunakan demonstrasi atau aktiviti memecahbelahkan pelajar yang akhirnya hanya akan merugikan diri sendiri" ujar beliau pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPP UTeM Sesi 2016/2017 di Kampus Induk Durian Tunggal.

"Penyerahan watikah pelantikan ini sebagai satu simbolik kepada usaha yang lebih bersemangat untuk menyandang tanggungjawab yang telah diamanahkan" ujar Shahrin.

Pemilihan tersebut menyaksikan Abdul Hanif Abdul Rani pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah terpilih sebagai Yang Dipertua MPP UTeM Sesi 2016/2017.

Turut hadir dalam majlis penyerahan watikah tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid, Dekan-Dekan serta pegawai kanan universiti.



Zulfatria Abdullah



Jurufoto Rasmi Universiti



Pilihanraya UTeM berjalan lancar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengadakan pilihanraya bagi pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sesi 2016/2017 baru-baru ini.

Proses pembuangan undi telah berjalan dengan lancar menggunakan kaedah e-voting menyaksikan sebanyak 8 kerusi umum dan 21 kerusi fakulti dipertandingkan pada pemilihan kali ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) UTeM Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid berkata, pilihanraya kali ini menyaksikan seramai 10573 pelajar UTeM layak untuk mengundi pada kali ini.

"Sebanyak 11 pusat pembuangan undi telah dibuka melibatkan semua fakulti, makmal dan pusat persatuan pelajar" ujar beliau.

Menurut beliau, jumlah peratusan pelajar yang keluar mengundi pada tahun ini telah menyaksikan peningkatan sebanyak 21.07% berbanding tahun lalu apabila seramai 8341 pelajar telah melaksanakan kewajipan mereka pada pilihanraya kali ini.

"Tahniah diucapkan kepada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) yang mencatatkan peratusan pelajar keluar mengundi paling tinggi sebanyak 93.26% untuk tahun keempat berturut-turut" ujarnya.

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) pula menyaksikan peratusan sebanyak 88.60%, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) 85.49%, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) 81.04%, Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) 77.63%, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) 77.02% dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) 59.32%.

Pemilihan itu juga menyaksikan pelajar ijazah sarjana muda daripada FKEKK, Abdul Hanif Abdul Rani telah dinobatkan sebagai Yang Dipertua MPP UTeM bagi sesi 2016/2017 manakala Mohamad Amerul Zainudin juga dari FKEKK sebagai Timbalan Yang Dipertua.

Dalam perkembangan yang sama, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib turut meluangkan masa meninjau proses pembuangan undi dan berharap barisan kepimpinan MPP yang baharu itu akan dapat berganding bahu menyumbangkan idea dan pemikiran bagi kemajuan universiti.



UTeM sumbang kain rentang PEPERIKSAAN SPM 2016

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyumbangkan kain rentang ucapan menduduki peperiksaan kepada calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di negeri ini.

Kain rentang bersempena peperiksaan SPM yang bakal bermula 7 November itu telah dipasang di pintu masuk 20 buah sekolah menengah termasuk Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) sekitar Melaka.

Pengarah Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor UTeM Fazidah Ithnin berkata, sumbangan kain rentang itu bertujuan memberi kata-kata semangat dan sokongan moral kepada calon-calon yang terlibat untuk menghadapi peperiksaan dengan tenang dan penuh keyakinan.

Antara sekolah yang terlibat adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Udang, Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Molek dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ade Putra Masjid Tanah.

"Diharapkan sumbangan kain rentang ini dapat memberi peringatan kepada semua calon terlibat betapa pentingnya peperiksaan tersebut dalam menentukan halatuju dan kerjaya mereka di masa hadapan" ujar beliau.

"Pengurusan UTeM berharap agar semua calon SPM khususnya di negeri ini membuat persiapan dan persediaan rapi serta melipatgandakan usaha bagi memperolehi kejayaan cemerlang yang dapat mengharumkan nama ibu-bapa, guru-guru dan juga pihak sekolah" ujarnya.

Beliau berkata, sumbangan itu merupakan salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang sentiasa dilaksanakan oleh pihaknya kepada masyarakat terutama melibatkan pelajar sekolah sekaligus memberikan publisiti kepada UTeM yang turut menawarkan program akademik bagi lepasan SPM.

Dalam perkembangan sama, pihaknya turut mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Melaka (JPNM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan pengetua sekolah-sekolah yang memberikan kebenaran untuk memaparkan kain rentang tersebut.



KAYUHAN HIJAU PUPUK GAYA HIDUP SIHAT

Bagi mewujudkan masyarakat yang cergas terutamanya dikalangan staf, warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan Kayuhan Hijau Kampus bersama Naib Canselor UTeM baru-baru ini di Kampus Induk, Durian Tunggal.

Program Kayuhan Hijau Kampus anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) itu bertujuan untuk melahirkan warga kampus yang sihat dan cergas selain memberi inspirasi dikalangan warga UTeM bagi memupuk minat terhadap budaya hidup sihat.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM, Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad berkata, Kayuhan Hijau Kampus ini bukan hanya sekadar kayuhan berbasikal semata-mata, tetapi ianya juga kayuhan sebagai tanda ikatan silaturahim sesama warga UTeM.

"Kayuhan ini bermula dengan aktiviti regangan otot dan senamrobik, peserta kemudian memulakan kayuhan dengan mengelilingi kawasan sekitar kampus UTeM sehingga jam 7 petang," katanya.

Menurutnya, melalui inisiatif ini warga UTeM dapat memperkenalkan sukan berbasikal sebagai salah satu pilihan aktiviti yang berunsurkan kecergasan fizikal. Selain itu, warga kampus diharap akan terus mengamalkan gaya hidup yang sihat.

"Kayuhan Kampus Hijau ini juga bertujuan untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar dan menyokong usaha Kerajaan Negeri Melaka dalam merealisasikan matlamat Negeri Bandar Teknologi Hijau menjelang 2020 nanti," jelasnya.

Kayuhan yang melibatkan jarak sejauh 14 kilometer itu bermula di Tapak Kokurikulum UTeM Kampus Induk Durian Tunggal.



HURRICANE UTeM JUARA KUMPULAN SORAK IPT 2016

Seramai 40 orang pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya menjuarai pertandingan "Cheer It Loud" sempena dengan Sambutan Hari Sukan Universiti Antarabangsa 2016 yang diadakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, baru-baru ini.

Program yang berkonsepkan pasukan ultras dengan membawa cabaran "Cheer It Loud" telah berjaya mendahului tujuh pasukan yang bertanding termasuk pasukan dari Kolej Universiti Argosains Melaka dan Universiti Malaysia Terengganu yang masing-masing diletakkan kedua dan ketiga.

Menurut ketua pasukan *Hurricane*, Muhamad Fareed Khalid berkata, program ini melibatkan sorakan berkumpulan yang menunjukkan kreativiti setiap pasukan mengikut instrumentasi muzik dengan membawa imej dan identiti setiap universiti.

"Pertandingan ini memberi peluang kepada pelajar UTeM untuk menunjukkan bakat kepimpinan serta kreativiti dalam aktiviti berpasukan dengan cara yang tersendiri," katanya.

Selain itu, pertandingan ini dapat meningkatkan rasa sayang kepada universiti kerana setiap pasukan menunjukkan cara untuk meningkatkan semangat kerjasama dalam berpasukan.

"Rasa bangga terhadap pasukan Hurricane kerana telah berjaya membawa imej UTeM dalam pertandingan ini dan kami bertungkus lumus dalam mencipta koreografi persembahan agar nampak hebat dengan pasukan lain," jelasnya.

Katanya, berbekalkan semangat tanpa kalah dengan slogan fakulti "Menyerlah Jauh Dari Biasa" pasukan Hurricane berjaya menewaskan semua pasukan yang bertanding dan ianya merupakan satu pengiktirafan baru untuk pasukan ini.

"Pengiktirafan ini sedikit sebanyak dapat memberikan suntikan motivasi kepada semua warga fakulti supaya lebih kreativiti dan berketerampilan dalam mengharumkan nama UTeM," katanya.





SETINGGI-TINGGI TAHNIAH



KEPADA
TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA
MOHD KHALIL BIN YAKOB
S.M.N., D.U.N.M., S.U.M.Z., S.J.M.K., S.S.A.P., P.S.M., S.I.M.P.,
S.P.D.K., D.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P., G.C.O.M (GER)
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

SEMPENA
SAMBUTAN HARI JADI KE-78
PADA 14 OKTOBER 2016
BERSAMAAN 13 MUHARAM 1438H

DARIPADA



PRO-CANSELOR, AHLI LEMBAGA PENGARAH,
PENGURUSAN TERTINGGI DAN SELURUH WARGA
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



MAJLIS KONVOKESYEN



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

ke-12

DEWAN BESAR UTeM

14 & 15 NOVEMBER 2016 | ISNIN & SELASA |

BERSAMAAN 14 & 15 SAFAR 1438H



MEDIA SOSIAL UTeM

MyUTeM



are u connected?

scan this!



www.utem.edu.my